


Kuasa mutlak terletak di tangan rakyat

Perlembagaan kita

dirangka untuk menjamin keselamatan



□ TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ

PERLEMBAGAAN adalah teras undang-undang serta peraturan sesebuah negara. Perlembagaan Malaysia dirangka sebegini rupa bagi menjamin kesejahteraan rakyat di dalam sebuah negara yang merdeka.

La dirangka bagi memuktamad hakikat bahawa Malaysia akan wujud dan kekal sebagai sebuah negara demokrasi di mana kuasa mutlak terletak di tangan rakyat.

Melalui Parlimen dan Dewan-Dewan Undangan Negeri, rakyat memberikan kuasa kepada wakil-wakil pilihan mereka supaya membuat keputusan-keputusan serta mengambil tindakan yang menguntungkan negara pada keseluruhannya.

Perlembagaan Malaysia mengambil perkiraan fakta-fakta sejarah yang membentuk tradisi dan keperibadian negara yang termasuk tugas raja-raja di dalam kehidupan rakyat.

Tidak seperti banyak negara lain yang memilih mewujudkan satu peringkat kuasa sahaja, apabila mereka mencapai kemerdekaan, Malaysia memilih mewujudkan dua peringkat kuasa.

Sekalipun mereka memilih daya pendorong untuk kemerdekaan rakyat, iaitu, terutamanya orang-orang Melayu memilih mengemukakan raja-raja dengan memuktamad kuasa dan bidang tugas mereka dalam perlembagaan.

Dengan yang demikian, kedudukan raja-raja ditentukan oleh perlembagaan. Sistem ini dikenali sebagai Raja Berperlembagaan atau Constitutional Monarchy. Ini berbeza dengan kedudukan raja yang mempunyai kuasa mutlak atau absolute monarchy.

Perlembagaan Malaysia atau (Persekutuan Tanah Melayu pada asalnya) dirangka oleh Reid Suruhanjaya itu dianggotai oleh Pucik H.P. Hall, Hakim Abdul Hamid bin Pelandan, Sir Ivon Jennings (wakil British), Sir William McKell (wakil Australia), Enock F.P. Muller (wakil India).

Pakar-pakar

Antara pakar-pakar tempatan ialah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama, yang pada masa itu menjadi Ketua Menteri Tanah Melayu.

Perlembagaan itu mengandungi 181 perkara termasuk pembahagian kuasa antara cabang-cabang perundangan yaitu Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, Kehakiman dan Cabang Eksekutif.

Lain-lain perkara penting termasuk hak-hak asasi, kerakyatan, perkhidmatan awam dan pilihannya.

Pada dasarnya, semua warganegara mempunyai hak yang sama di sisi undang-undang.

Undang-undang adalah sesuatu yang hidup dan berubah mengikut kehendak-kehendak sosio-ekonomi negara. Perlembagaan sebagai garis panduan asas kerajaan dan rakyat, jata, harus berubah sejaras dengan perubahan masa.

Semangat perlembagaan Malaysia dianggap jelas terkandung dalam ucapan Tunku Abdul Rahman Putra ketika beliau membentangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan pada 15 Ogos 1957.

"Adalah perlu diadahi bahawa kebebasan yang kita idamkan ialah bagi memerintah diri kita sendiri di bawah sistem di mana institusi Parlimen menjadi wakil tunggal kezamran rakyat."

Jadi yang penting di sini ialah kehendak dan sezaman rakyat. Kehendak dan kezaman yang berlandaskan kepada keadaan semasa, kepada kepentingan rakyat. Jikalau keadaan semasa menunjukkan bahawa perlembagaan harus dipinda kerana rakyat perlu dilindungi dari malapetaka dan bencana seperti yang terjadi pada 13 Mei 1969, maka perlembagaan itu mesti dipinda. Dan siapakah yang mesti membuat kerja-kerja meminda perlembagaan itu?

Tentulah kerajaan yang memerintah. Kerajaan yang memerintah pula ialah kerajaan yang dipilih oleh rakyat terbanyak. Kerajaan yang menjadi mandat rakyat. Kerajaan yang menjadi wakil rakyat. Ringkasnya, kerajaan ialah rakyat.

Ini lah yang dimaksudkan oleh Tunku apabila beliau berkata bahawa institusi Parlimen menjadi wakil tunggal kemahmudan dan kezamran rakyat.

Dan inilah juga yang dimaksudkan oleh Datuk Semu Abdul Rahman, bekas Setiausaha Agung Perlembagaan, dalam ucapan terubuanya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Yusof bin Mohamad baru-baru ini menyebut bahawa sistem pemerintahan di Malaysia berdasarkan demokrasi, iaitu kedaulatan rakyat."

Kezaman rakyat

Berlandaskan kepada semangat dan prinsip bahawa perlembagaan perlu dipinda supaya sesuai dengan kehendak dan kezaman rakyat itulah maka sepanjang sejarah perlembagaan kita sudah 25 pinda terhadap kandungannya.

Antara pindaan-pindaan berikut: **●** Dalam tahun 1962, perlembagaan Jusi Soli - iaitu seorang yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu pada masa itu - menjadi warganegara hak kewarganegaraan cuma diberi kepada seorang yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu (sekarang Malaysia) yang salah seorang berastawutin tetap di Persekutuan Tanah Melayu (sekarang Malaysia).

● Pindaan yang memansuhkan Persekutuan Tanah Melayu dan menggantinya dengan perubahan Malaysia melalui Akta Malaysia 1962.

● Dalam tahun 1962, satu perubahan radikal perlembagaan apa yang dikenali sekarang ini sebagai "Jadual 13" iaitu mengenai pemergangan kawasan pilihannya mengenai **●** Selepas 13 Mei 1969, perkara 10 mengenai kebebasan beragama dipinda bagi mengkanan sekatan-sekatan dipinda bagi mengkanan menyekat percabangan di khilafnya untuk mengenai empat isu sensitif iaitu: Kewarganegaraan, bahasa, kebebasan di dalam bahasa kaum-kaum lain, kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan Bumiputera dan

SEJAK akhir-akhir ini soal perlembagaan telah banyak dibincangkan oleh orang ramai. Bernama akan mengeluarkan beberapa rencana untuk memberi keterangan terhadap beberapa perkara bersangkutan dengan isu semasa ini. — Pengarang

Oleh PENULIS KHAS

kepentingan-kepentingan sah kaum lain, dan: **●** Kedaulatan raja-raja.

Adakalanya pindaan-pindaan terpaksa dibuat kerana kelemahan-kelemahan yang terbutki di dalam perlembagaan itu dan adakalanya kerana tekanan politik.

Misalnya pindaan ke atas Perkara 10 telah dibuat untuk menjamin kestabilan politik, kedaulatan bahasa, keharmonian kaum dan dalam konteks sekarang yang lebih penting ialah untuk menjamin kedudukan raja-raja yang tidak tercemar.

Dalam semua pindaan itu, hanya satu tindakan yang dibuat oleh kerajaan selepas merdeka yang bertentangan dengan perlembagaan, iaitu apabila Tunku Abdul Rahman menyerahkannya di bawah pimpinan Enock Lee Kuan Yew. Kini kerajaan telah membentangkan satu lagi rang undang-undang untuk meminda 22 perkara di dalam perlembagaan yang telahpun diterima oleh kedua buah Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Peruntukan penting

Beberapa peruntukan yang terpenting termasuk pindaan-pindaan terhadap perkara 66 (5) yang menetapkan bahawa sesuatu rang undang-undang yang telah dituluskan oleh kedua Dewan Rakyat dan Dewan Negara akan dianggap telah diperkenankan baginda selepas 15 hari undang-undang itu dikemukakan kepadanya.

Satu lagi peruntukan yang dipinda ialah perkara 150 yang meminda kuasa mengajytahirkan keadaan darurat daripada Yang di-Pertuan Agong kepada Perdana Menteri.

Pindaan ini difikirkan perlu kerana adanya beberapa tafsiran terhadap kuasa yang diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong itu. Ada yang darurat Baginda mesti berpuas-hati sendiri bahawa tindakan segera adalah diketendahkan untuk menjamin keselamatan awam.

Tetapi ada pula yang berpendapat bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak mempunyai mengikut nasihat Kabinet atau Perdana Menteri. Hingga sekarang perdebatan mengenai masalah ini masih belum mendapat kesimpulan.

Bagi mengelakkan tafsiran yang bercanggah ini maka kerajaan kini menetapkan bahawa ditetakkannya pandangan Suruhanjaya Perlembagaan Reid sendiri yang menetapkan bahawa Yang di-Pertuan Agong hanya boleh mengeluarkan pengisytiharan darurat.


Kuasa itu dunnya diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong kerana jawatan itu adalah simbol ketuhanan orang Melayu. Tetapi ketuhanan orang Melayu itu pun diberikan oleh perlembagaan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Seperti mana perlembagaan memperuntukkan jawatan Yang di-Pertuan Agong, begitu jugalah perlembagaan menentukan kuasa Baginda. Dari ini jelas bahawa perlembagaan adalah undang-undang sumber dan mutlak yang tertinggi sekali.

Pada masa ini, Parlimen yang mewakili aspirasi dan hati nurani rakyat sudah Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat itu perlu dipinda.

Sebaliknya hak itu dikawal supaya Perdana Menteri dapat bertugas sebagai penasihat kepada Yang di-Pertuan Agong. Dengan ini kuasa mengisytiharkan darurat boleh diberikan Perdana Menteri. Pindaan ini adalah sejajar dengan demokrasi berparlimen di mana rakyat berkuasa.

Perlembagaan Malaysia menentukan raja adalah kekal dalam jawatannya semumur hidup. Rakyat tidak berhak memilih raja. Tetapi rakyat berhak menentukan siapa yang akan menjadi wakil rakyat dan Perdana Menteri. Dengan ini maka dipatillah rakyat menentukan nasib sendiri. Bernama.



□ Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman melafakan perisytiharan Malaysia pada tahun 1963.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia